

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KAJIAN TERHADAP KEMUDAHGUNAAN
PERKHIDMATAN PORTAL U-ASSIST
DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**



NOOR AINA BINTI NORRDIN

UUM
Universiti Utara Malaysia

**SARJANA SAINS (PENGURUSAN)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
JUN 2018**

**KAJIAN TERHADAP KEMUDAHGUNAAN PERKHIDMATAN PORTAL U-ASSIST
DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**



**Tesis Diserahkan kepada
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
Bagi Memenuhi Keperluan Pengijazahan Master of Science (Management)**



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN

(Certification of Research Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certified that)

NOOR AINA BINTI NORRDIN (818174)

Calon untuk Ijazah Sarjana
(Candidate for the degree of)

MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)

telah mengemukakan kertas penyelidikan yang bertajuk
(has presented his/her research paper of the following title)


**KAJIAN TERHADAP KEMUDAHGUNAAN PERKHIDMATAN PORTAL U-ASSIST DI KALANGAN
PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas penyelidikan
(as it appears on the title page and front cover of the research paper)

Bahawa kertas penyelidikan tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu
dengan memuaskan.


*(that the research paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered
by the research paper).*

Nama Penyelia Pertama : **DR. ABDUL MANAF BIN BOHARI**
(Name of 1st Supervisor)

Tandatangan : 
(Signature)

DR. ABDUL MANAF BOHARI
Head Department of Management and
Entrepreneurship
School of Business Management
College of Business
Universiti Utara Malaysia

Nama Penyelia Kedua : **DR. MOHAMMED R.A. SIAM**
(Name of 2nd Supervisor)

Tandatangan : 
(Signature)

Tarikh : **3 JANUARI 2018**
(Date)

PERAKUAN HAKCIPTA

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang atau membuat salinan mana-mana bahagian bab, ilustrasi atau isi kandungan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanika, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.



PENGAKUAN PELAJAR

Saya akui karya ini hasil karya saya sendiri kecuali petikan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah dinyatakan sumbernya. Saya juga menyerahkan hakcipta ini kepada pihak Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.

Tarikh serahan: 27 Jun 2018

Tandatangan:

Nama: Noor Aina binti Norrdin

No. Matrik: 818174



UUM
Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN UNTUK KEGUNAAN

Penyerahan kertas projek sarjana ini adalah sebagai memenuhi keperluan pengajian program Sarjana Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB), UUM menjadikan kertas projek ini sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran Penyelia kertas projek atau Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM College of Business (UUMCOB), Universiti Utara Malaysia (UUM). Sebarang penyalinan, pengambilan atau penggunaan keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik atau Penyelia. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlu dinyatakan jika sebarang rujukan dibuat ke atas kertas projek ini.


Permohonan untuk membuat salinan atau lain-lain kegunaan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian hendaklah dipohon melalui:



Dekan
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
Malaysia

ABSTRAK


Portal U-Assist merupakan platform yang digunakan oleh pelajar untuk memohon perkhidmatan yang ditawarkan di U-Assist secara atas talian. U-Assist telah ditubuhkan pada tahun 2013 dan pembangunan Portal U-Assist telah dilaksanakan dan digunakan oleh pelajar sejak penubuhan U-Assist. Portal U-Assist dibangunkan untuk menyediakan perkhidmatan yang pantas dan cekap kepada pelajar. Walaubagaimanapun kajian semula perlu dibuat terhadap portal memandangkan banyak faktor yang berkaitan seperti teknologi, maklumbalas pengguna, kefungisian dan sebagainya. Objektif kajian adalah untuk menilai tahap kemudahan Portal U-Assist. Pendekatan kajian adalah kuantitatif dan menggunakan instrument psikometrik yang diadaptasi daripada International Business Machines Corporation (IBM) (1985). Sejumlah 180 orang responden telah terlibat dalam ujian psikometrik ini. Secara umum hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara faktor produktif, kesempurnaan dan kefungisian dengan kemudahan Portal U-Assist. Cadangan dikemukakan untuk meningkatkan tahap kemudahan Portal U-Assist.



UUM
Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

The 'U-Assist Portal' is an online platform specifically designed for UUM students to access for information and apply for various related services offered by U-Assist, UUM. The centre was established in 2013 and with it the inauguration of the portal service that has been in use actively by students. The main aim behind the set-up of the online service is to facilitate and provide fast and efficient services to the students. Since the advent of technology evolves at a very fast rate, reviews and updates have to be undertaken by the centre so as to ensure that the portal remains relevant and useful by taking into account the consumer feedbacks, functionality and efficiency of the systems. Thus, the objective of this study is to assess the 'U-Assist Portal' level of usage by the students. The study approach is quantitative and uses psychometric instruments adapted from International Business Machines Corporation (IBM) (1985). A total of 180 respondents participated in this psychometric test. On the whole, the results showed that there was a significant positive relationship between productivity, completeness and functionality with U-Assist portal level of usage. The study concluded with some suggestions on how to further enhance the U-Assist Portal system.



Universiti Utara Malaysia

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dengan lafaz Alhamdulillah dan syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, maka kertas projek ini dapat disempurnakan mengikut ketetapan yang telah ditentukan oleh pihak Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu, memberi pandangan, membuat semakan dan cadangan penambahbaikan dalam usaha menyiapkan kajian bertajuk “Kajian Terhadap Kemudahan Perkhidmatan Portal U-Assist di kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia” ini.

Penghargaan utama diberikan kepada Dr. Abdul Manaf bin Bohari kerana telah memberi khidmat penyeliaan kertas projek ini sehingga tamat. Penghargaan istimewa buat ibu, ayah, suami tercinta Izmal Nizam Abdul Wahab dan anak kesayangan Zalia Antasya serta rakan-rakan sepengajian atas pengorbanan dan nasihat bermakna, seterusnya kepada En Salehuddin Salim atas cadangan dan motivasi dalam tempoh menyiapkan kertas projek ini amatlah bererti.

Penghargaan khas juga saya berikan kepada semua rakan-rakan kumpulan pengajian, iaitu Pn. Faridah binti Mohd Sobri, En. Nik Mohd Baidzani Haddad Bin Ibrahim, En. Ruzaidi Bin Ramli, En. Zulfadli bin Abdul Latif, Pn. Asmaniza Binti Mansor, Cik Asmawiza Binti Hussin, Pn. Fazilah Ismail, En. Mohd Aizul Firdaus bin Musa, En. Mohd Jamal B Mat Hussain, Pn. Norhanil Hekmah binti Rosli dan En. Zulkurnain B Zulkifli kerana telah menyuntik semangat dan menjadi inspirasi kepada saya dari awal pengajian sehingga kajian ini dilengkapkan pada semester terakhir ini. Selama dua semester saya terpaksa menangguhkan pengajian atas sebab kesihatan dan mendapat rawatan di Putra Medical Centre (PMC). Selepas berjaya menjalani pembedahan *discectomy* pada 24 Ogos 2017, saya meneruskan pengajian dan kajian ini demi menamatkan cita-cita yang dibina bersama rakan seperjuangan. Tidak lupa juga pada rakan-rakan kumpulan Sciatica dan Slips disc Malaysia yang banyak memberikan semangat juang untuk teruskan kehidupan seperti normal walaupun hakikatnya kami hanya berbekalkan semangat jatidiri yang kuat untuk menempuhi kehidupan harian kami.

Semoga segala pengorbanan dan cadangan semua pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung ini akan mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Allah s.w.t, tanpa kerjasama dan bantuan semua pihak, kajian ini tidak dapat diselesaikan dengan baik dan bermakna.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
PERAKUAN HAK CIPTA	ii
PENGAKUAN PELAJAR	iii
KEBENARAN UNTUK KEGUNAAN.....	iv
ABSTRAK.....	v
ABSTRACK.....	vi
PENGHARGAAN.....	vii
KANDUNGAN.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	x
SENARAI JADUAL.....	xi
SENARAI RAJAH.....	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian`	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Organisasi Kajian.....	6
BAB 2 ULASAN KARYA	
2.0 Pengenalan	9
2.1 Konsep dan Teori Produktiviti.....	10
2.2 Konsep dan Teori Kesempurnaan.....	11
2.3 Konsep dan Teori Kefungsian	14
2.4 Portal	17
2.4.1 Definisi Portal	17
2.4.2 Ciri-ciri web Portal	18
2.4.3 Sikap terhadap Portal... ..	19
2.5 Senibina Laman Web	20
2.6 Kemudahan.....	21
2.6.1 Rekabentuk kebolehcapaian.....	29
2.6.2 Penilaian kebolehgunaan web.....	31
2.7 Kesimpulan	37

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan.....	38
3.1	Kajian Diskriptif.....	39
3.2	Reka Bentuk Kajian dan Model Kajian.....	39
3.3	Hipotesis Kajian.....	40
3.4	Populasi dan Persampelan	40
3.5	Pembentukan soalan.....	41
	3.5.1 Latar belakang Responden.....	42
	3.5.2 Gelagat pengguna.....	42
	3.5.3 Kemudahan Portal.....	42
3.6	Ujian Rintis (Pilot Test).....	43
3.7	Kaedah Statistik.....	44
3.8	Analisis Inferensi	44
3.9	Kesimpulan	45

BAB 4 DAPATAN KAJIAN


4.0	Pengenalan.....	46
4.1	Latar belakang Responden.....	46
4.2	Gelagat pengguna.....	50
4.3	Kemudahan.....	54
	4.3.1 Produktif.....	54
	4.3.2 Kesempurnaan.....	55
	4.3.3 Kefungsian.....	56
4.4	Pengujian Hipotesis	58
	4.4.1 Hubungan Antara Produktif dengan Kemudahan.....	58
	4.4.2 Hubungan Antara Kesempurnaan dengan Kemudahan.....	59
	4.4.3 Hubungan Antara Kefungsian dengan Kemudahan	60
4.5	Keputusan Pengujian Hipotesis	60
	4.5.1 Keputusan Pengujian Hipotesis Alternatif	60
4.6	Kesimpulan	61

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	62
5.1	Batasan Kajian	62
5.2	Ringkasan	63
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	64
	5.3.1 Hubungan Antara Produktif dengan Kemudahan.....	64
	5.3.2 Hubungan Antara Kesempurnaan dengan Kemudahan	65
	5.3.3 Hubungan Antara Kefungsian dengan Kemudahan	65
5.4	Cadangan	66
	5.4.1 Terhadap organisasi.....	66
	5.4.2 Terhadap pelajar	67
5.5	Kajian akan datang	68
5.6	Kesimpulan	68
	Rujukan.	70
	Lampiran A (Soal Selidik).....	73

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
GUI	<i>Graphical User Interface</i> atau Antara Muka Pengguna Grafik
HCI	<i>Human-Computer Interaction</i> atau Interaksi Manusia-Komputer
HEA	Jabatan Hal Ehwal Akademik
HEP	Jabatan Hal Ehwal Pelajar
IS	<i>Information System</i> atau Sistem Maklumat
ISO	<i>International Standards Organization</i> atau Piawaian Organisasi Antarabangsa
UI	<i>User Interface</i> atau Antara Muka Pengguna
Log-in	Daftar masuk
URL	<i>Uniform Resource Locator</i> atau Pelokasi Sumber Seragam
PTJ	Pusat Tanggungjawab
SEO	<i>Search Engine Optimization</i> atau Pengoptimuman Enjin Carian
SLO	<i>Student Liaison Officer</i> atau Pembantu Tadbir (P/O) U-Assist
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
TRA	<i>Theory of Reasoned Action</i> atau Teori Tindakan
U-Assist	<i>One Stop Centre</i> atau Pusat Perkhidmatan Komprehensif Pelajar
UCD	<i>User Centered Design</i> atau Reka Bentuk Pengguna
Username	Nama pengguna



SENARAI JADUAL

No.	Jadual	Muka Surat
Jadual 1.1	Maklumbalas pengguna U-Assist bagi Tahun 2017	3
Jadual 2.1	Kriteria Kemudahan	21
Jadual 3.1	Pengkelasan nilai min	39
Jadual 3.2	Instrumen yang digunakan dalam kajian	41
Jadual 3.3	Skala Likert bagi Instrumen Kemudahan Portal U-Assist	43
Jadual 3.4	Keputusan Ujian kebolehpercayaan Instrumen	44
Jadual 3.5	Ujian-ujian statistik yang digunakan untuk menganalisis hipotesis	45
Jadual 4.1	Taburan Demografi Responden	48
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut kekerapan menggunakan Portal U-Assist	51
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Masa	52
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Cara Akses Portal	52
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Hari Akses Portal	53
Jadual 4.6	Taburan Responden Mengikut Lokasi Akses Portal	53
Jadual 4.7	Taburan Responden Mengikut Kemudahan Portal	54
Jadual 4.8	Taburan Responden Mengikut Produktif	55
Jadual 4.9	Taburan Responden Mengikut Kesempurnaan Portal	56
Jadual 4.10	Taburan Responden Mengikut Kefungsian Portal	57
Jadual 4.11	Hubungan antara produktif dengan kemudahan Portal	59
Jadual 4.12	Hubungan antara kesempurnaan dengan kemudahan Portal	59
Jadual 4.13	Hubungan di antara kefungsian dan kemudahan Portal	60
Jadual 4.14	Keputusan Pengujian Hipotesis Alternatif	60

SENARAI RAJAH

<i>No.</i>	<i>Rajah</i>	Muka Surat
Rajah 2.1	Prinsip Rekabentuk Antaramuka	13
Rajah 2.2	Prinsip Antara Muka Pengguna	14
Rajah 3.1	Model Kajian	40



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Apabila web pertama kali diperkenalkan ke kolej dan komuniti akademik pada pertengahan 1990-an, antara aplikasi awal adalah pembangunan laman web kampus sebagai pintu masuk ke pangkalan data yang terhad dan berbeza Jafari (2003). Sejak itu, laman web Universiti Utara Malaysia telah mengalami perubahan besar, menjadi lebih maju dan canggih. Oleh itu, pada masa ini laman web universiti telah matang, dan untuk mencerminkan kemajuan dan kerumitan, istilah yang lebih canggih seperti portal, portal intranet, portal perusahaan dan portal maklumat perusahaan telah diwujudkan. Walaupun tidak ada kata sepakat umum mengenai takrif istilah portal, ramai bersetuju bahawa sebuah portal boleh digambarkan sebagai antara muka tunggal yang diperibadikan di mana pengguna mengakses semua sumber dan perkhidmatan maklumat secara selamat, konsisten dan disesuaikan Bajec (2005).

Faedah dan kelebihan yang besar dikaitkan dengan pelaksanaan portal universiti. Masrek (2007) menyatakan bahawa pelaksanaan portal membantu organisasi perkhidmatan mencapai keberkesanan organisasi. Menurut Eisler (2001) selain menyediakan antara muka pengguna yang diperibadikan dan disesuaikan untuk mengakses maklumat dalaman dan luaran, portal kampus juga menyediakan peluang untuk pintu masuk maklumat dan tempat akses untuk kumpulan pentadbir. Bajec (2005) menyatakan bahawa hampir semua universiti sama ada

membangun atau membeli penyelesaian portal untuk keperluan mereka. Kajian mengenai isu kejayaan dan kemudahgunaan masih sangat terhad di mana sebahagian besar kajian yang ditemui berkaitan dengan melaporkan pengalaman membangun portal universiti atau menetapkan rancangan dan strategi untuk pembangunannya lihat Jafari (2003); Chan & Chung (2002); Seong (2006); Chen, Li, & Sun, (2010); dan Bajec (2005). Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menilai tahap kemudahgunaan Portal U-Assist. Pada dasarnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada faktor-faktor produktif, kesempurnaan dan kefungsian mempengaruhi kemudahgunaan Portal U-Assist.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengumpul maklumat dan pandangan pengguna iaitu pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) khususnya dan pelanggan U-Assist lainnya berkaitan kemudahgunaan perkhidmatan Portal U-Assist yang telah dibangunkan semenjak penubuhan U-Assist pada empat (4) tahun yang lalu. Hasil daripada kajian ini harap dapat membantu usaha U-Assist dalam menyediakan portal yang lebih produktif, lebih kesempurnaan dan lebih kefungsian kepada penggunanya.

Mengapa isi kemudahgunaan laman sesawang begitu penting? Isi kemudahgunaan laman sesawang dapat dilihat daripada pelbagai aspek. Antara aspek biasa yang disentuh adalah mesra pengguna. Hal ini dinilai daripada segi bagaimana produktif, kesempurnaan dan kefungsian web yang memudahkan

pemahaman dan interaksi pengguna. Seterusnya menentukan sama ada laman sawang itu benar-benar membantu pengguna atau sebaliknya. Kesannya pengalaman pertama melayari laman sesawang menentukan seseorang mengunjungi semula laman yang sama atau menjauh daripadanya.

Jumlah transaksi penggunaan perkhidmatan Portal U-Assist pada tahun 2017 adalah sebanyak 2305 transaksi. Ini melibatkan perkhidmatan akademik dan kewangan pelajar di mana hasil daripada maklumbalas pengguna didapati seramai 2199 orang pelajar berpuashati dengan penggunaan portal manakala seramai 88 orang menyatakan bagus dan 18 pelajar agak berpuashati dengan perkhidmatan yang diterima.

Jadual 1.1
Maklumbalas pengguna U-Assist bagi tahun 2017

Department	Ticket Issued	Total Transaction	Customer Feedback			Total Record	Satisfaction Level
			Excellent	Good	Average		
U -Assist	52579	55549	2199	88	18	2305	97.54%
	52579	55549	2199	88	18	2305	97.54%

Sumber: MyQ Management Sistem VSQ3010 (2017)

1.2 Penyataan Masalah

U-Assist telah ditubuhkan pada Mei 2013 dan beroperasi sepenuhnya pada September 2013. Portal U-Assist dibangunkan sebagai platform kemudahan kepada pelajar untuk membuat permohonan secara atas talian. Setelah empat (4) tahun dibangunkan tiada kajian dilakukan untuk mendapat maklumbalas (*feedback*) daripada pengguna iaitu pelajar dan juga merupakan klient U-Assist.

Penyelidik ingin mengetahui sejauh manakah peranan kemudahan portal terhadap pelajar. Antara faktor-faktor yang ditekankan ialah produktif, kesempurnaan dan kefungsiian portal. fokus utama penyelidik adalah untuk mengkaji sejauh manakah tahap kemudahan Portal U-Assist.

Walaupun Portal U-Assist berfungsi dengan baik namun terdapat juga rungutan pelajar terhadap kemudahan portal. Kajian secara tinjauan telah dilaksanakan semasa berurusan dengan pelajar di kaunter permohonan U-Assist di mana ada pelajar yang kurang puas hati dari aspek;

1. Gangguan capaian internet ketika pelajar cuba membuat permohonan.
2. Tatacara log-in portal di mana pelajar keliru dengan password single sign-on dan password Portal U-Assist (terkini selepas pelajar kemaskini password baru).
3. Laman utama portal yang tidak mesra pengguna di mana captcpa yang dipaparkan menyukarkan pelajar untuk log-in portal.
4. Pelajar lebih gemar gunakan borang manual yang disediakan di atas kaunter dan ingin elak penggunaan portal.

Oleh yang demikian kajian Portal U-Assist perlu dilakukan untuk melihat tahap kemudahan dari aspek produktif, kesempurnaan dan kefungsiian portal. Keupayaan U-Assist untuk mengekalkan perkhidmatan yang berkualiti adalah penting untuk kejayaan jangka masa yang panjang.

1.3 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dibentuk oleh penyelidik bagi menentukan pengkhususan kajian ini adalah untuk adakan kajian khusus mengenai respond dari pelajar/pengguna portal bagi perkhidmatan yang ditawarkan kerana tiada data khusus kajian dijalankan dan juga feedback penguasaan pelajar terhadap kemudahan Portal U-Assist. Antara persoalan kajian yang bakal dikaji oleh penyelidik ialah seperti berikut:

1. Adakah Portal U-Assist produktif digunakan oleh pelajar?
2. Adakah Portal U-Assist memberikan kesempurnaan kepada pelajar?
3. Adakah kefungsi Portal U-Assist mencapai kemudahan portal?

1.4 Objektif Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, objektif umum yang ingin dicapai oleh pengkaji adalah untuk mengenal pasti profile pengguna, menyiasat gelagat pengguna dan menilai hubungan antara kemudahan di antara produktif, kesempurnaan dan kefungsi portal. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui sama ada pengguna menjadi produktif dengan menggunakan Portal U-Assist.
2. Mengetahui sama ada aspek kesempurnaan portal mempengaruhi penggunaan Portal U-Assist.
3. Mengetahui sama ada kefungsi Portal U-Assist mencapai kemudahan portal.

1.5 Kepentingan Kajian

Pihak pentadbir Portal U-Assist dapat merangka suatu dasar atau piawaian bagi pembangunan portal web yang berkualiti, menetapkan ciri-ciri dan kemudahan yang diperlukan melalui kajian yang dijalankan supaya ia boleh dijadikan platform permohonan secara atas kepada pelajar. Kajian ini adalah penting untuk:

1. Dijadikan sebagai alat pengukuran bagi dapatan yang diperolehi sejauh mana kemudahan Portal U-Assist dapat membantu pelajar melancarkan permohonan secara atas talian.
2. Untuk mengenalpasti adakah penggunaan portal berkesan dalam melengkapkan permohonan pelajar, mudah serta selesa digunakan dan meningkatkan penggunaan yang produktif dari pelajar.
3. Mengkaji kesempurnaan Portal U-Assist kepada pelajar semasa penggunaannya.
4. Untuk pastikan adakah pelajar peka bahawa kefungsi portal ini mencapai tahap kepuasan pengguna.

1.6 Organisasi Kajian

Bab 1 telah membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian.

Perkembangan teknologi turut memperkenalkan permohonan secara atas talian yang dapat menjimatkan masa berbanding permohonan manual. Dengan menggunakan Portal U-Assist membolehkannya memberi perkhidmatan

maklumat tanpa batasan dan ruang Zulkafli, Omar, & Hashim, (2014). Berdasarkan permasalahan kajian, timbul beberapa persoalan kajian yang harus dikupas dan dijawab dalam kajian ini. Dengan yang demikian bab ini telah menyenaraikan beberapa persoalan kajian yang menjadi asas kepada andaian kajian.


Dalam Bab 2, akan mengulas dan menerangkan tentang ulasan karya berhubung teori dan konsep kemudahan portal, hubungan produktif dengan kemudahan portal, hubungan kesempurnaan dengan kemudahan portal dan hubungan kefungsiian dengan kemudahan Portal U-Assist. Penyelidik akan mengetengahkan beberapa teori yang berkaitan kemudahan portal.

Dalam Bab 3, penyelidik akan menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan melibatkan reka bentuk kajian, kerangka kajian, populasi dan persampelan yang dibuat, instrumen kajian yang digunapakai, kajian rintis yang dilakukan untuk mengesahkan kesahihan dan kebolehpercayaan soal selidik kajian, kaedah pengumpulan data daripada responden, menganalisis data yang dibuat dan diakhiri dengan kesimpulan kepada Bab 3, iaitu tadbir urus kajian dan soal selidik yang telah dilakukan untuk melengkapkan bab ini. Di dalam bab ini juga dimuatkan dengan beberapa teori yang dikupas oleh penyelidik-penyelidik terdahulu bagi kajian yang seumpama dari segi pemboleh ubah yang berkaitan.

Dalam Bab 4, penyelidik telah menggunakan beberapa analisis untuk menentu ukur kebolehpercayaan (ujian kesahan / *reliability test*), hubungan antara

pemboleh ubah besandar dan pemboleh ubah tidak bersandar (korelasi / *correlation*) dan analisis untuk hipotesis-hipotesis (hipotesis alternatif) dengan berdasarkan maklumat daripada analisis ANOVA. Hasil daripada dapatan data, semua keputusan adalah dianalisis berdasarkan min (M), korelasi (r), sisihan piawai (SP) dan korelasi *Pearson* (p),

Dalam Bab 5, semua dapatan data dan analisis berkaitan hubungan dan tahap signifikan dibincangkan secara mendalam dengan menyatakan sebab dan cadangan berkaitan penambahbaikan kepada organisasi dan pelajar. Di dalam bab ini juga turut menyatakan cadangan kepada penyelidik akan datang berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini dari beberapa aspek yang difikirkan perlu dilakukan. Cadangan kepentingan kajian sebegini kepada pekerja dan organisasi juga turut diutarakan oleh penyelidik.



BAB 2

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan

Penilaian terhadap kajian terdahulu mengenai tajuk yang ingin dikaji adalah penting untuk membantu penyelidik menilai kelemahan, kesalahan dan andaian yang tidak benar oleh penyelidik terdahulu. Kajian literatur membantu penyelidik memilih kaedah dan pendekatan terbaik dan sesuai dengan pernyataan permasalahan kajian serta membantu penyelidik memikirkan teori-teori dalam usaha menyiapkan kerangka teoritis kajian. Tinjauan terhadap kajian terdahulu membantu penyelidik memikirkan hipotesis jika diperlukan bagi menjawab persoalan kajian dan memantapkan permasalahan kajian tersebut Sulaiman (2003).

Berdasarkan kepada tinjauan terhadap penyelidikan yang sedia ada penyelidik mendapati topik kajian adalah lebih tertumpu kepada produktif, kesempurnaan dan kefungsi portal web untuk menguji kemudahan Portal U-Assist. Sesetengah kajian pula tertumpu kepada definisi portal dan bagaimana portal berfungsi. Maklumat banyak diperolehi melalui artikel berbanding laporan penyelidikan. Ini mungkin kerana bidang ini masih baru dan keberkesannya terhadap pengguna tidak dikaji dengan mendalam.

2.1 Konsep dan Teori Produktif

Produktif adalah sesuatu hal yang dapat menghasilkan atau mendatangkan keuntungan secara besar atau banyak. Definisi produktif adalah sikap yang berkensep pada hari ini harus lebih baik dari hari kelmarin dan hari esok harus lebih baik daripada hari ini. Bambang Tri Cahyono (1996:283).

Pengertian produktif menurut Islam suatu sikap yang ingin terus berkarya atau menghasilkan sesuatu hal yang bermanfaat bagi diri sendiri dan orang lain. Orang yang produktif adalah orang yang tidak mengganggu dan tidak berhenti dalam berusaha. Sebab sesungguhnya banyak aktiviti yang boleh diusahakan di muka bumi ini yang boleh mendatangkan banyak manfaat asalkan dikerjaka dengan sepenuh hati dan bersungguh-sungguh. Rasulullah SAW bersabda, sebaik-baik manusia adalah orang yang bisa memberikan manfaat bagi orang lain (H.R Ahmad).

Produktif berasal dari Bahasa Inggeris iaitu *product* yang memiliki bererti hasil. Dan dikembangkan lagi menjadi produktif yang bererti menghasilkan sesuatu, contohnya seperti benda. Jadi secara garis besar, produktif bererti mampu menghasilkan sesuatu dalam jumlah yang besar. Ingat penekanannya terhadap pada jumlah, jika menghasilkannya hanya satu atau dalam jumlah yang relative sedikit, maka sesuatu hal tersebut belum dapat dikatakan produktif.

Patricia & William (2003) berpendapat, kemahiran teknologi maklumat adalah pengetahuan untuk menjalankan sesuatu prosedur aplikasi komputer dengan betul dan menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai

productivity tools. Perkembangan ini telah melahirkan minat terhadap teknologi terutamanya komputer sebagai alat mengajar berkembang dengan pesat dan menjadi semakin meluas. Hal ini disebabkan kerana komputer merupakan media elektronik yang mempunyai warna yang baik, keupayaan grafik dan bunyi yang hebat dan juga keupayaan ingatan yang besar.

2.2 Konsep dan Teori Kesempurnaan

Kesempurnaan bermaksud keadaan atau hal yang sempurna. Dalam erti kata kewibawaan data maksud kesempurnaan adalah tahap kesahihan, ketepatan, keselanjaran dan kesempurnaan data yang disimpan, dihantar dan diproses oleh sistem.

Reka bentuk antara muka yang baik adalah kunci kepada sebuah multimedia interaktif yang baik. Ia akan memikat pengguna dan terus memastikan mata kita tertumpu pada perisian multimedia yang dihasilkan. Perkara yang pertama pengguna akan lihat dalam persembahan multimedia adalah reka bentuk antaramuka. Ini adalah gambaran visual pertama mereka. Oleh itu kita perlu membuat reka bentuk antara muka yang menarik, mudah difahami dan intuitif untuk berinteraksi.

Tidak kira berapa pandai atau bijak perisian multimedia atau laman web yang dibina, jika reka bentuk antara muka tidak memenuhi keperluan pengguna, mereka boleh menjadi bosan dan terus meninggalkan perisian

tersebut. Walaupun kandungan yang diolah sangat baik, tetapi reka bentuk antaramuka yang buruk tidak membantu perisian multimedia kita.

Di dalam pembangunan sesuatu multimedia atau laman web, pemilihan dan mereka bentuk antaramuka sama pentingnya dengan pemilihan bahan dan kandungan yang ingin disampaikan kepada pengguna. Antara muka di antara pengguna dan komputer dan boleh melibatkan perkakasan dan perisian Johnson (1992).

Justeru itu, terdapat beberapa prinsip dan elemen yang perlu diketahui oleh pereka bentuk antaramuka digital. Ini kerana antara muka hendaklah kelihatan menarik, berseri, berkesan dan kelihatan lebih efektif ketika menggunakannya. Perlu juga diketahui bahawa, rekabentuk antaramuka yang berkesan bukan sekadar menentukan rekaletak grafik atau persembahan media semata-mata. Perekabentuk hendaklah peka kepada perasaan pengguna, memasukkan unsur-unsur psikologi, menitikberatkan keselesaan pengguna iaitu mesra pengguna (*user-friendly*) di samping berupaya menyampaikan kandungan multimedia dan laman web dengan lebih efisien.


Interaksi manusia-komputer menyediakan input yang sangat penting di dalam rekabentuk pakej pembelajaran dan merupakan sebahagian penting daripada proses rekabentuk Dix et al (1998). Kebiasaannya kesempurnaan sesuatu antara muka dinilai berdasarkan kepada kaedah penggunaan prinsip-prinsip dalam antara

muka. Penekanan yang bersesuaian ke atas setiap prinsip akan memberi keseimbangan kepada setiap antara muka yang dihasilkan. Di antara prinsip-prinsip penting ialah seperti rajah di bawah:



Rajah 2.1
Prinsip Rekabentuk Antaramuka
Sumber: Dix et al (1998)

Menurut Lewis & Rieman (1993) antaramuka pengguna yang asas sepatutnya termasuk perkara-perkara seperti menu, tettingkap, papan kekunci, tetikus, bunyi beep dan bunyi lain yang dihasilkan oleh komputer. Namun begitu, terdapat banyak prinsip-prinsip yang perlu diambil kira dalam membangunkan dan merancang reka bentuk antara muka pengguna. Interaksi manusia komputer menyediakan input yang sangat penting di dalam reka bentuk pakej pembelajaran dan ia merupakan sebahagian penting daripada proses reka bentuk. Sebahagian lain prinsip-prinsip yang perlu di ambil kira juga adalah seperti berikut:



Rajah 2.2
Prinsip Antaramuka Pengguna
 Sumber: Lewis & Rieman (1993)

2.3 Konsep dan teori Kefungsian

Dalam pembangunan laman web, kita boleh bahagikan kepada dua unsur atau keutamaan iaitu pembangunan sistem web dan juga pembangunan reka bentuk web.

Pembangunan sistem web melibatkan proses tunjang belakang sistem, kemas kini sistem dan kelancaran sistem untuk berfungsi. Manakala pembangunan reka bentuk web merangkumi proses pemaparan data-data yang dihasilkan oleh sistem, persembahan dan daya penarik kepada laman tersebut.

Dalam konteks ini, kita lebih ke arah untuk menghasilkan satu sistem yang betul-betul selamat, stabil dan cekap untuk digunakan. Sekali pandang dan baca, jangan kecilkan skop ini mengenai anda membina sendiri sistem tersebut. Penggunaan CMS atau pakej web pasang siap ditakrifkan di bawah tajuk ini.

Penggunaan CMS atau web pasang siap bukan sahaja melibatkan proses pengurusan laman sebaliknya ianya perlu sentiasa dikemas kini dengan versi yang terkini. Anda perlu memastikan ianya menepati piawai keselamatan yang terkini bagi mengelak sebarang masalah pecah masuk.

Pengurusan kandungan perlu diuruskan dengan lebih sempurna. Pastikan anda menyediakan satu carta alir atau memandu pengguna baru menggunakan laman anda. Ini kerana tidak semua pengguna internet mempunyai tahap kemahiran yang sama. Anda perlu bertindak bermula dari bawah.

Lewis & Rieman (1993) menyatakan apabila satu-satu sistem mencapai satu tahap stabil atau dikatakan matang, elakkan dari merombak atau melakukan perubahan yang drastik kepada sistem sedia ada. Ini akan mencetuskan kekeliruan kepada semua pengguna. Penambahbaikan boleh dilakukan tetapi elakkan dari pencaturan semula keseluruhan sistem.

Tugas seorang pelukis adalah melahirkan maksud pemikiran, idea dan perkongsian sesuatu maklumat dalam bentuk penyampaian secara grafikal. Bagi seorang artistik, idea dan maklumat yang disampaikan sukar untuk difahami oleh

orang yang logistik. Pembangunan reka bentuk laman berbeza dari lukisan. Reka bentuk laman memastikan maklumat yang ingin dipersembahkan disalurkan dengan berkesan, tidak perlu mencari-cari dan segalanya jelas pada waktu pertama kali ianya dilihat.

Dalam erti kata sebenar, anda perlu menghasilkan satu reka bentuk laman yang sedap mata memandang, difahami, jelas dan sesuai dilayari untuk pertama kali ianya dilihat. Kemahiran ini akan membantu laman tersebut mencapai tahap kematangan yang lebih cepat. Sebagai peranan ini, ilmu pengaturcaraan seperti HTML, CSS dan Javascript adalah asas kepadanya. Perisian seperti *Photoshop* dan lain-lain yang seangkatannya perlu dikuasai.

Kedua-duanya penting. Anda tidak boleh menolak salah satu tetapi perlu bijak dan berfikiran matang dalam memilihnya. Ya, memang sukar untuk mengimbangi kedua-dua peranan ini. Anda mungkin bagus sebagai pembangun sistem tetapi anda kurang sempurna dalam mempersembahkan sistem tersebut dalam bentuk paparan.

Anda juga mungkin seorang pelukis yang hebat, berupaya untuk hasilkan satu lakaran yang jelas dan mudah difahami. Reka bentuk laman yang profesional menggunakan segala teknik pengaturcaraan tetapi susun galur pengurusan laman mudah dicerobohi langsung tidak membanggakan.

Mat Jizat (2005) menyarankan bahawa anda perlu membina sistem terlebih dahulu. Bukan mengabaikan bentuk dan rekaan laman tetapi dapatkan dahulu "resepi" dan "perencah" yang sesuai. Apabila ianya melalui proses kematangan, anda mula bertindak untuk melampirkan bentuk persembahan. jangan terlalu gopoh atau mengejar kepada reka bentuk laman. Walaupun pandangan pertama itu penting, tetapi pengurusan yang berterusan berfungsi dengan baik adalah lebih penting daripada penampilan.

2.4 Portal

2.4.1 Definisi Portal

Menurut Bringula (2013) Portal berasal dari perkataan Latin iaitu *Portale* yang bermaksud "Citygate" manakala *American Heritage Dictionary* pula mendefinisikan portal sebagai laluan masuk maklumat besar. Zhou (2003) pula mentafsirkan bahawa web portal sebagai gerbang maklumat yang boleh dimodifikasi oleh pengguna secara automatik melalui web. Ia menawarkan enjin carian dan pautan kepada halaman yang berguna seperti berita terkini, ruang sembang dan kalendar aktiviti.

Definisi portal boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu portal teknikal dan pengguna. Portal teknikal adalah perkhidmatan rangkaian yang membawa bersama maklumat dari sumber-sumber teragih menerusi teknologi seperti *cross searching*, *harvesting*, *alerting* dan *collates* kepada bentuk amalgamated untuk di paparkan kepada pengguna. Persembahan data ini adalah menerusi web browser Hublin & Stubbing (2003).

Portal pengguna pula boleh dipersonalisasi di mana capaian di buat merentasi pelbagai sumber maklumat dan hasil carian tersebut boleh di paparkan. Maklumat tersebut akan di sampaikan melalui pelbagai teknik antaranya perkhidmatan pemberitahuan menerusi mail elektronik atau pautan kepada cetakan elektronik dan bahan pembelajaran Lewis (2003).

2.4.2 *Ciri-ciri web portal*

Seperti yang diketahui umum, perkembangan pesat teknologi maklumat dalam bidang internet telah menyebabkan fenomena lebih maklumat yang tidak relevan dengan keperluan. Maklumat juga boleh diperoleh daripada pelbagai sumber tetapi kebanyakannya tidak diurus secara berpusat menyebabkan integritinya tidak dijamin. Ciri pertama yang harus ada bagi sesebuah portal adalah berupaya menyalurkan maklumat yang berkaitan sahaja kepada pengguna yakni fokus utamanya adalah pengguna itu sendiri dan bukan laman web yang disediakan Bin (2011).

Ciri kedua yang perlu ada pada sesebuah portal adalah jaminan keselamatan data. Maklumat peribadi daripada sistem utama (*legacy system*) seperti maklumat pelajar, maklumat staf disediakan dengan kaedah capaian dan penghantaran data yang selamat. Brantley, Armstrong, & Lewis (2006).

Ciri ketiga sesebuah portal adalah penyediaan capaian dan interaksi terus dengan sistem utama, aliran kerja atau aplikasi yang digunakan oleh sesebuah organisasi. Dengan kemudahan tersebut, pengguna yang berdaftar boleh mencapai

maklumat seperti katalog dalam talian, pangkalan data, jurnal elektronik dan sumber-sumber elektronik yang lain. Menurut Pienaar (2003), sebuah rekabentuk web portal akademik haruslah mempunyai unsur-unsur berikut:

- Keperluan fungsi dan integrasi peringkat tinggi iaitu antarmuka “*seamless*”. Ia mengandungi kebolehan untuk personalisasi dan customization;
- Membenarkan capaian kepada sumber maklumat seperti jurnal elektronik, artikel elektronik, pangkalan data dalam talian, disertasi dan katalog perpustakaan;

Fungsi-fungsi tambahan seperti enjin carian web, fungsi carian global, ruangan sembang, surat elektronik, antaramuka dengan dokumen penghantaran dan sistem pinjaman antara perpustakaan. Pengguna juga berupaya untuk menilai dan menambah sumber maklumat dalam portal.

2.4.3 Sikap terhadap portal

Theory of Reasoned Action (TRA) Fishbein, M. & Ajzen, (1975) menunjukkan bahawa tingkah laku individu ditentukan oleh niat tingkah laku, di mana niat tingkah laku merupakan fungsi sikap seseorang terhadap tingkah laku. Sikap terhadap tingkah laku ditakrifkan sebagai perasaan positif atau negatif seseorang tentang melakukan tingkah laku. Sekiranya seseorang melihat bahawa hasil daripada melakukan tingkah laku adalah positif, dia akan mempunyai sikap positif untuk melakukan tingkah laku itu. Pelbagai kajian mendapati bahawa

